

## Dr. Mahathir teliti hukuman terhadap Abdul Azim

UM 23 AUG 2001

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau perlu meneliti hukuman terhadap Datuk Abdul Azim Mohd. Zabidi yang dilucutkan jawatan sebagai ketua bahagian tetapi tidak bagi jawatan ahli Majlis Tertinggi (MT) parti.

“Saya perlu meneliti kes itu kerana ia membabitkan peraturan UMNO dan saya bukan penasihat undang-undang bagi UMNO,” kata Perdana Menteri.

Beliau ditanya mengenai tindakan Lembaga Disiplin UMNO yang hanya melucutkan jawatan Azim sebagai Ketua UMNO Bahagian Bukit Bintang tetapi tidak menjejaskan kedudukannya sebagai MT UMNO.

Ditanya sama ada kedudukan Azim sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) akan turut terjejas, Dr. Mahathir berkata, kes itu adalah urusan parti dan bukan urusan kerajaan.

“Lainlah, jika Azim menyalahgunakan dana kerajaan (untuk berkempen jawatan parti),” katanya.

Azim merupakan seorang daripada enam ketua bahagian yang didapati bersalah kerana terbabit dalam politik wang pada pemilihan bahagian lalu.